



**YB MENTERI PENGANGKUTAN TEKANKAN TRANSFORMASI
INFRASTRUKTUR REL DAN DIGITALISASI
SEBAGAI PEMACU KEMAKMURAN NEGARA**

PUTRAJAYA, 18 April 2025 – YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan hari ini menegaskan bahawa pembangunan infrastruktur rel dan pemeraksanaan digitalisasi adalah kunci utama dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi negara serta memperkukuh keterhubungan domestik dan serantau.

Berucap sempena Majlis Apresiasi dan Hari Terbuka Perbadanan Aset Keretapi (RAC) 2025, YB Loke menyorot kejayaan penting yang dicapai menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pengangkutan dan Pentadbiran Kereta Api Negara China. MoU ini ditandatangani sempena lawatan rasmi Presiden China, TYT Xi Jinping, ke Malaysia baru-baru ini dan disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim.

“Kerjasama ini membuka peluang yang besar kepada pemindahan teknologi, pembangunan bakat tempatan dan pelaksanaan projek berimpak tinggi. Ia juga membolehkan syarikat tempatan menyertai rantai bekalan global serta menembusi pasaran antarabangsa,” jelas YB Loke.

Beliau turut menegaskan bahawa Malaysia kekal dengan pendirian neutral dalam perang perdagangan global dan komited terhadap perdagangan terbuka serta kerjasama ekonomi rentas sempadan. Sebagai Pengerusi

ASEAN 2025, Malaysia membawa mesej yang jelas dalam memperjuangkan sistem ekonomi berasaskan peraturan dan pembangunan infrastruktur serantau yang inklusif.

Dalam konteks tempatan, YB Loke menyambut baik inisiatif RAC dalam membangunkan rangkaian fiber optik sepanjang jajaran kereta api, yang disifatkan sebagai strategi bijak untuk memaksimumkan nilai aset rel negara tanpa menjejaskan operasi sedia ada. Inisiatif ini, katanya, bukan sahaja memperkukuh infrastruktur digital negara, malah menjana pendapatan tambahan bagi menyokong pemulihan aset dan pelaburan dalam perkhidmatan rel.

“Ini membuktikan bahawa dengan tadbir urus yang baik dan pendekatan kreatif, infrastruktur awam boleh menjadi enjin pertumbuhan fizikal, digital dan ekonomi secara serentak,” katanya.

Majlis hari ini turut menyaksikan **YTL Communications Sdn. Bhd. telah diumumkan sebagai syarikat pertama yang berjaya dalam Request for Proposal (RFP)** yang dilaksanakan oleh RAC pada tahun 2023 untuk membangunkan infrastruktur fiber optik di sepanjang **1,600 kilometer jajaran rel** dari Padang Besar ke Johor Bahru dan Tumpat di Kelantan.

Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Bagi Pembangunan Rangkaian Fiber Optik di Sepanjang Jajaran Keretapi Hak Milik RAC telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC kepada YBrs. En. Wing K. Lee Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications Sdn. Bhd. Majlis bersejarah ini telah disaksikan oleh YB Loke Siew Fook Menteri

Pengangkutan, YB Datuk Fahmi Fadzil Menteri Komunikasi dan YBhg. Dato' Azhar Ahmad Ketua Pegawai Eksekutif RAC.

Turut hadir YBhg. Dato' Seri Yeoh Seok Hong Pengarah Urusan YTL Communications Sdn. Bhd. dan YBr. Encik Yeoh Keong Ren, Pengarah YTL Communications Sdn. Bhd.

Pelaksanaan **inisiatif liberalisasi pembangunan infrastruktur telekomunikasi** di sepanjang koridor kereta api milik RAC adalah sebagai langkah strategik untuk menyokong agenda transformasi digital negara.

Langkah ini bertujuan **membuka akses kepada pemain-pemain industri telekomunikasi berlesen** melalui proses RFP sekali gus mengoptimumkan penggunaan aset rel nasional bagi pembangunan rangkaian fiber optik berkelajuan tinggi.

Pelaksanaan inisiatif ini dijangka mampu menjana pendapatan baharu kepada RAC dan pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan kepada dana pembangunan Kerajaan. Hasil ini akan digunakan semula untuk pembangunan dan peningkatan industri rel termasuk:

- Penyelenggaraan '*rolling stock*' dan stesen kereta api;
- Penambahbaikan fasiliti seperti lif dan kemudahan untuk kegunaan Golongan Kurang Upaya (OKU); dan
- Pembinaan stesen kereta api baharu dan elektrifikasi laluan.

YBhg. Dato' Seri Yeoh Seok Hong, Pengarah Urusan YTL Communications Sdn. Bhd. berkata YTL Communications amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan RAC dalam merealisasikan visi untuk menjadikan koridor rel sebagai pemacu keterangkuman digital negara.

“Inisiatif ini merupakan langkah penting untuk membuka lebih banyak akses kepada internet berkelajuan tinggi demi manfaat rakyat, sekaligus merapatkan jurang digital dan memudahkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk mengakses dunia digital yang berkembang pesat. Ini sejajar dengan aspirasi untuk mencapai Malaysia yang lebih digital, inklusif dan mampan, demi manfaat generasi hari ini dan masa depan,” katanya.

YB Loke menyeru semua pihak untuk terus bekerjasama dalam membina masa depan pengangkutan yang cekap, lestari dan berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat dan daya saing negara.

Sekian, terima kasih.

PERBADANAN ASET KERETAPI

18 APRIL 2025

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 8939 0222